

Nur Adibah Nadiah Mohd Aripin, Noor A'yunni Muhammad (2017). Seni Kelarai Dan Seni Mural: Pertembungan Timur Dan Barat. *Ideology*, 2(2) : 116-121, 2017

Seni Kelarai Dan Seni Mural: Pertembungan Timur Dan Barat

Nur Adibah Nadiah Mohd Aripin, Noor A'yunni Muhammad
Fakulti Seni Lukis & Seni Reka
Universiti Teknologi MARA
32610, Seri Iskandar Campus Perak, Malaysia

nurad370@perak.uitm.edu.my
noora691@perak.uitm.edu.my

Abstrak.

Aktiviti melakar atau menghiasi dinding telah bermula sejak zaman Paleolitik lagi di Malaysia. Melalui penemuan dari lukisan gua di Lenggong, Perak hingga ke aktiviti menghias dinding bangunan. Antara teknik hiasan dinding tradisional yang diguna adalah anyaman dan ukiran manakala terkini adalah melukis mural. Penulisan ini akan membincangkan budaya menghias dinding dan juga merungkai seni hiasan dinding tradisional hingga seni lukisan dinding moden di negeri Perak. Memperlihatkan kelebihan hiasan ini dari sudut keindahan dan praktikal. Seperti anyaman yang telah digunakan untuk menghiasi dinding-dinding istana dan rumah Melayu. Jelas bahawa teknik anyaman Perak yang dikenali sebagai kelarai bukan sekadar untuk menghiasi dinding malahan berfungsi dari sudut pengaliran pengudaran yang bagus. Antara bangunan yang masih menggunakan teknik anyaman ini adalah Istana Lama Negeri Perak dan Masjid Lama Kg Kuala Dal, Kuala Kangsar. Manakala dari sudut ukiran dinding pula, ia terbahagi kepada dua jenis ukiran iaitu ukiran timbul dan tebus. Seni ukiran ini seringkali ditemui dari senibina rumah-rumah Melayu, antaranya adalah rumah Kutai, Perak. Rumah-rumah ini masih boleh ditemui dan mempunyai keindahan dan keunikan tersendiri. Kini, perubahan pada struktur bangunan menjadikan teknik-teknik hiasan dinding tradisi ini tidak sesuai digunakan. Sebaliknya bangunan-bangunan moden ini telah mengambil inisiatif lain untuk menghiasi dinding. Penambahan hasil seni yang popular pada kurun ke-21, mural diperkenalkan.

SENI KELARAI

Aktiviti melakar atau menghiasi dinding telah bermula sejak zaman Paleolitik lagi di Malaysia. Melalui penemuan dari lukisan gua di Lenggong, Perak hingga ke aktiviti menghias dinding bangunan. Antara teknik hiasan dinding tradisional yang diguna adalah anyaman dan ukiran manakala terkini adalah melukis mural. Penulisan ini akan membincangkan budaya menghias dinding dan juga merungkai seni hiasan dinding tradisional hingga seni lukisan dinding moden di negeri Perak. Memperlihatkan kelebihan hiasan ini dari sudut keindahan dan praktikal. Seperti anyaman yang telah digunakan untuk menghiasi dinding-dinding istana dan rumah Melayu. Jelas bahawa teknik anyaman Perak yang dikenali sebagai kelarai bukan sekadar untuk menghiasi dinding malahan berfungsi dari sudut pengaliran pengudaran yang bagus. Antara bangunan yang masih menggunakan teknik anyaman ini adalah Istana Lama Negeri Perak dan Masjid Lama Kg Kuala Dal, Kuala Kangsar. Manakala dari sudut ukiran dinding pula, ia terbahagi kepada dua jenis ukiran iaitu ukiran timbul dan tebus. Seni ukiran ini seringkali ditemui dari senibina rumah-rumah Melayu, antaranya adalah rumah Kutai, Perak. Rumah-rumah ini masih boleh ditemui dan mempunyai keindahan dan keunikan tersendiri. Kini, perubahan pada struktur bangunan menjadikan teknik-teknik hiasan dinding tradisi ini tidak sesuai digunakan. Sebaliknya bangunan-bangunan moden ini telah mengambil inisiatif lain untuk menghiasi dinding. Penambahan hasil seni yang popular pada kurun ke-21, mural diperkenalkan.

Apabila membicarakan tentang seni hiasan dinding di Perak, yang terlintas di fikiran adalah bagaimana seni hiasan dinding perak atau lebih dikenali sebagai seni kelarai berjaya mencerminkan seni dan kebudayaan tradisional Melayu hingga kini. Seni kelarai melibatkan seni hiasan dinding yang telah dipraktikkan sedari dulu lagi. Seperti yang telah dibahas di dalam penulisan Ab. Aziz Shuaib, beliau menegaskan bahawa seni tradisi Melayu adalah cerminan kepada keindahan elemen di dalam estetika dimana elemen itu membawa kefahaman falsafah yang mendalam [1] sekaligus mengangkat martabat warisan tradisi Melayu ke tahap yang tinggi. Memandangkan seni kelarai merupakan salah satu seni tradisi hiasan dinding yang popular satu ketika dahulu di perak, ia telah diangkat dan ditambahbaik dari zaman berzaman sehingga konsep tampil hias itu berevolusi menjadi seni mural namun masih menggunakan pendekatan konsep seni hiasan dinding. Menurut Abdullah Yusof di dalam penulisannya yang bertajuk Islamic Nuance in Decorative-Ornament Architecture Art in Nusantara, kebangkitan Islam di Nusantara meletuskan satu fenomena baru dimana ianya bukan sahaja mengubah dan mengekspresikan struktur bangunan keagamaan, penempatan dan perumahan malah dekorasi dan hiasannya juga dititik beratkan [2]. Oleh yang demikian, berlaku asimilasi terhadap penggunaan kelarai sehingga terhasil seni mural yang berevolusi mengikut peredaran zaman.




Figura 1 dan Figura 2 : Contoh Kelarai yang dijadikan hiasan dinding di Rumah Kutai, Perak

SENI MURAL

Seni mural dikenali sebagai catan yang dihasilkan secara langsung di atas dinding, siling dan permukaan lain yang berskala besar [3]. Perkataan mural juga dikatakan berasal daripada perkataan Latin “murus” yang membawa maksud ‘dinding’[4]. Terdapat bukti yang mengesahkan seni mural merupakan seni catan yang tertua di dunia kerana teknik catan di dinding ini telah digunakan sejak zaman purbakala dimana bukti penemuannya dijumpai di gua-gua tertua serata dunia [3]. Antara contoh mural terawal yang dijumpai adalah mural di dinding gua Altamira yang terletak di Sepanyol dan Lascaux di Perancis.




Figura 3: Contoh catan dinding di gua Altamira, Sepanyol




Figura 4: Contoh catan dinding di gua Lascaux, Perancis

Kewujudan teknik melukis menggunakan media seperti cat, cat semburan, stensil dan lain-lain memberi impak perubahan yang besar dalam kehidupan sehari-hari masyarakat. Aktiviti ini seolah-olah membangkitkan semula keperluan seni hiasan dinding. Ia bukan sahaja dihasilkan bagi tujuan hiasan malahan dari sudut praktikalnya dengan menambahkan keceriaan, identiti dan satu himpunan komuniti masyarakat secara tidak langsung. Hal ini dapat dilihat di kebanyakan tempat di sekitar Malaysia yang tumbuh bagaikan cendawan.

Seni mural kini menjadi trend dalam meningkatkan populariti seni jalanan. Interaksi dalam pembikinan seni mural meningkatkan pengalaman yang unik bagi seseorang muralis. Ini dapat disokong dengan kenyataan Ulianka [5] dalam penulisannya.

Aktiviti ini seolah-olah membangkitkan semula keperluan seni hiasan dinding. Ia bukan sahaja dihasilkan bagi tujuan hiasan malahan dari sudut praktikalnya dengan menambahkan keceriaan, identiti dan satu himpunan komuniti masyarakat secara tidak langsung. Hal ini dapat dilihat kebanyakan tempat di sekitar Malaysia.

Contoh yang paling terdekat adalah mural yang terdapat di Muzium Negara, Malaysia. Mural tersebut mencerminkan sejarah dan kebudayaan Melayu yang dihasilkan oleh karyawan tempatan pada ketika itu. Mural bersejarah itu berjaya memvisualkan aktiviti ekonomi masyarakat melayu, upacara dan adat tradisi masyarakat Malaysia, termasuklah penceritaan tentang Kerajaan Negeri Melaka dan Hari Kemerdekaan Malaysia pada Tahun 1957.



Figura 6: Karya Mural yang bertemakan sejarah dan kebnudayaan di Muzium Negara

MURAL KONTEMPORARI

Apabila membicarakan perihal mural, jika dibandingkan dengan catan dinding di gua-gua, catan dinding atau mural moden lebih berkonsepkan kontemporari . Seperti yang telah dipamerkan dalam pameran ARTSPERE pada Disember 2013, konsep kontemporari yang dibawa oleh karya-karya mural yang terlibat kebanyakannya berkaitan dengan penceritaan isu-isu semasa, luahan ekspresif dan kesedaran sosial.[6]. Seni mural dilihat sebagai salah satu medium komunikasi yang berkesan dimana ianya menggunakan pendekatan kreativiti di dalam naratif dan penggayaan temanya. Sebagai contoh, laman web Mural Art's Philadelphia mengenangkan perihal “Peace Wall” bertempat di kejiran Gray Ferry, Philadelphia yang menjadi kebanggaan penduduk setempat kerana mural tersebut menjadi simbol perpaduan dan juga harapan [7].

Secara keseluruhan, pertembungan seni kelarai dan seni mural memberi impak dalam perkembangan kebudayaan seni di Malaysia samada dalam kontek visual mahupun kraf. Ia bukanlah sesuatu yang baru di kalangan masyarakat kita tetapi merupakan satu pendedahan yang memberi pengetahuan secara langsung dan tidak langsung berkaitan dengan dua seni ini. Menurut Noor Hafiza [8] kebudayaan yang diamalkan turut boleh berubah mengikut peredaran masa dan persekitaran juga bersangkut paut dengan cara hidup sesuatu kelompok masyarakat tertentu. Ia merangkumi beberapa aspek aktiviti sosial sehingga terhasilnya budaya baru dan memberi impak kepada perubahan perilaku.

Dari pertembungan ini juga, dapat dirungkai perubahan drastik yang ketara dari segi penggunaan idea dan medium. Meskipun ia adalah aliran dan teknikal yang berbeza, namun tujuannya adalah sama dalam mengekspresikan seni tersebut. Ini menunjukkan Malaysia juga berlaku revolusi dan mengikut peredaran masa dunia seni.

RUJUKAN

- Ab. Aziz Shuaib, (nd). Olalere Folasayo Enoch, Enhancing Contemporary Home Furniture with Malay Tangible Cultural Heritage,
- Abdullah Yusof, (nd). Aizan Hj. Ali @ Mat Zin, Faisal @ Ahmad Faisal Hamid, Islamic Nuance in decorative-Ornament Architecture Art in Nusantara,
- Eric Johnsson, (2016). About Mural, http://www.jonssonsworld.com/A_Brief_History_of_Murals_and_Mural_Painting.html
- Kenneth Donkor, (2010), Design And Production Of Commemorative Ceramic Mural Of African Cup Of Nations, Ghana -Can2008, Master Thesis , Department of Industrial Art,Kwame Nkrumah University of Science and Technology,
- Ulianika, (nd). History of Murals, <http://www.ulianika.com/muralhistory.html>
- Muhamad Yusri Muzammir, (2013), Mural Tiga Dimensi di ARTSPERE, Berita Harian, Selasa, 24 Disember 2013.
- Muralarts committee (n.d), Mural Art's Philadelphia
<https://www.muralarts.org/about/history/>
- Noor Hafiza Ismail, (2013), Budaya dan Tradisi Seni Anyaman Melayu